

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	2/2/2017
JABATAN	:	FRIM
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

UTM, FRIM hidupkan ladang kampus

➔ Perkongsian kepakaran bolehkan 3,736 pelbagai spesies pokok ditanam

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my

▪ Johor Bahru

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membangunkan semula projek perhutanan bertujuan menghidupkan ladang kampus sebagai hutan simpan.

Menyerusi kerjasama itu, perkongsian kepakaran yang dimulakan sejak September 2012 membuahkan hasil menyerusi penanam-

man 3,736 pelbagai spesies pokok termasuk herba dan buluh di kawasan seluas 12 hektar.

Kaedah penanaman berbeza

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Wahid Omar, berkata projek yang dimeterai menyerusi majlis menandatangani memorandum persahabatan (MoU) itu membabitkan kos berjumlah RM600,000, dengan fasa pertama merangkumi 10 hektar tumbuhan hutan, selain masing-masing satu hektar bagi tanaman herba dan buluh.

"FRIM menggunakan kaedah penanaman yang berbeza iaitu Pe-



Wahid (depan dua dari kanan) bersama Dr Ahmad Zuhaidi (kiri, depan) pada majlis perasmian penanaman pokok merbau bersempena Program Reforestation di Hutan Rekreasi UTM, Johor Bahru.

nanaman Kluster Sistematik bagi membolehkan pokok getah tua digantikan secara beransur-ansur dengan spesies terpilih," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan penanaman pokok merbau bersempena Program Reforestation di Hutan Rekreasi UTM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FRIM, Dr Ahmad Zuhaidi dan Koordinator Projek, Prof Dr Makedab Mohamad.

Wahid berkata, UTM bercadang menyalurkan hutan kampus berkenaan berstatus hutan simpan,

selain memanfaatkan generasi masa depan tertutama di bandar raya ini.

Mengintegrasikan projek

Katanya, bagi tempoh jangka panjang, UTM sedang mengintegrasikan projek berkenaan dengan beberapa projek lain termasuk eko pelancongan, ekopendidikan dan projek konservasi.

Beliau berkata, antara spesies pokok yang terpilih termasuk meranti, chengal, keruing, merbau, nyatoh, jelutong, kempas, pulai, berlian, engkabang, kulim dan sentul.

Fakta
nombor

RM600,000

peruntukan
keseluruhan

